

Golongan antivaksin yang susahkan diri sendiri

Uhm - 18/10/2021 mlc: 3

Oleh **MOHAMAD SHOFI MAT ISA**
dan **SALEHUDIN MAT RASAD**
utusannews@mediamulia.com.my

BERA: Kerajaan tidak akan 'menyusahkan' kehidupan harian golongan antivaksin sebaliknya mereka yang berbuat demikian terhadap diri sendiri.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, seperti mana kelonggaran diperolehi individu lengkap divaksin, golongan antivaksin tidak memperolehnya seperti kebenaran rentas negeri.

"Mereka yang tidak ada vaksin tidak ada kemudahan berbanding mereka yang sudah ada vaksin. Mereka yang tidak divaksin ini tidak dibenarkan rentas negeri sebagai contoh, orang lain yang sudah lengkap vaksin boleh jumpa ibu bapa kampung.

"Begitu juga dengan kemudahan lain seperti menunaikan umrah dan tahun depan pula ibadah haji. Syarat untuk umrah dan haji ditetapkan kerajaan Arab Saudi perlu lengkap dua dos, kalau tidak mereka tidak boleh ke sana.

"Itu yang mungkin dimaksudkan YB KJ (Khairy Jamaluddin). Bukannya kerajaan yang akan susahkan mereka atau sengaja nak menyusahkan mereka dan tidak perlulah sampai memaksa semua rakyat menerima vaksin,



ISMAIL Sabri Yaakob menyerahkan surat kenaikan pangkat kepada Ketua Polis Daerah Bera, Superintenden Mansor Samsuddin di Bera, Pahang, semalam. Turut hadir Ketua Polis Negara, Datuk Seri Acryl Sani Abdullah Sani. - UTUSAN/SHAIKH AHMAD RAZIF

sepatutnya ia adalah atas kesedaran sendiri," katanya dalam sidang akhbar selepas Upacara Pemakaian Pangkat Ketua Polis Daerah Bera dan Timbalan Ketua Polis Daerah Bera di Dewan Sri Kempas Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Bera, di sini semalam.

Khairy kelmarin dilaporkan sebagai berkata, Kementerian Kesihatan akan 'menyusahkan' kehidupan harian golongan antivaksin termasuk kemungkinan mewajibkan mereka menjalani ujian calitan Covid-19 secara mingguan dengan kos

ujian ditanggung oleh mereka sendiri.

Sementara itu Perdana Menteri menegaskan, guru antara yang tertinggi daripada segi jumlah yang belum menerima suntikan vaksin jika dibandingkan dengan lain-lain jabatan.